



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



**MAKLUMAT PENILAIAN BAGI PENGAMBILAN CALON PROGRAM
DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (A2520)
SEMESTER 1, SESI 2026/2027 (E261)**

**DISEDIAKAN OLEH:
JABATAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

MAKLUMAT PENILAIAN BAGI PENGAMBILAN CALON PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (A2520), SESI 1, 2026/2027

1.0 Pengenalan

Penilaian yang akan dibuat untuk memenuhi syarat khusus kemasukan program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah ujian khas dan temu duga. Calon dikehendaki melengkapkan kedua-dua **ujian khas** dan **temu duga** mengikut arahan penilaian yang diberikan.

2.0 Ujian khas

2.1 Calon perlu menduduki ujian khas *Malaysia Psychometric Inventory for Care and Education* (MySCREEN) sebelum menjalani temu duga.

2.2 Calon akan menduduki ujian khas MySCREEN secara dalam talian mengikut kaedah pelaksanaan yang diberikan.

2.3 Rujuk **Lampiran 1** bagi Kaedah Pelaksanaan Ujian Khas secara dalam talian bagi Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak UPSI.

3.0 Temu duga

3.1 Calon perlu menjalani temu duga setelah menduduki ujian khas MySCREEN mengikut jadual sesi yang ditetapkan.

3.2 Calon akan melengkapkan sesi temu duga secara bersemuka mengikut kaedah pelaksanaan yang diberikan.

3.3 Rujuk **Lampiran 2** bagi Kaedah Pelaksanaan Temu Duga bagi Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak UPSI.

KAEDAH PELAKSANAAN UJIAN KHAS SECARA DALAM TALIAN BAGI PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

1.0 Pengenalan

Ujian khas yang digunakan bagi tujuan pengambilan pelajar Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak ialah *Malaysia Psychometric Inventory for Care and Education* (MySCREEN). Ujian ini merupakan **syarat khusus** kemasukan bagi Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

2.0 Kaedah Pelaksanaan

- 2.1 Calon akan menduduki ujian khas MySCREEN secara dalam talian di lokasi masing-masing.
- 2.2 Calon boleh mula mendaftar masuk untuk ujian MySCREEN yang akan dibuka pada **21 April 2026 hingga 26 April 2026** (Ahad) dan boleh terus menjawab semua soalan ujian MySCREEN.
- 2.3 Calon perlu melengkapkan ujian khas MySCREEN seperti pada tarikh yang ditetapkan.
- 2.4 Calon diberikan masa selama **2 jam bagi menjawab semua 113 soalan ujian MySCREEN**, bermula daripada soalan pertama.
- 2.5 Masa akan terus berjalan setelah ia bermula walaupun calon tidak meneruskan menjawab atau menghadapi masalah Internet.
- 2.6 Calon dinasihatkan agar menduduki ujian khas ini di lokasi yang mempunyai capaian Internet yang stabil.
- 2.7 Calon diminta membaca soalan ujian khas dengan teliti dan menjawab soalan dengan jujur.
- 2.8 Calon yang tidak melengkapkan ujian khas tidak akan diambil kira dalam permohonan kemasukan program.

3.0 Langkah-langkah menduduki ujian khas MySCREEN

- 3.1 Calon pergi ke laman ujian khas MySCREEN di pautan berikut:
<https://myscreen.upsi.edu.my>
- 3.2 Calon perlu memilih butang 'CALON' dan daftar sebagai pengguna. Sekiranya calon pernah menjawab ujian khas MySCREEN, sila gunakan ID pengguna (*username*) dan kata laluan (*password*) yang sedia ada.

- 3.3 Sila rujuk Manual Pengguna (Calon) MySCREEN dalam Lampiran A bagi langkah-langkah mendaftar dan melengkapkan ujian khas ini.
- 3.4 Calon perlu menjawab semua 113 soalan ujian MySCREEN dalam tempoh 2 jam.
- 3.5 Calon **perlu memuat turun dan menyimpan Transkrip Pengesahan Pengambilan Ujian Saringan sebagai BUKTI** telah melengkapkan ujian khas.

KAEDAH PELAKSANAAN TEMU DUGA BAGI PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

1.0 Pengenalan

Temu duga yang dijalankan adalah untuk tujuan pengambilan pelajar Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Ini adalah sebahagian daripada syarat khusus kemasukan bagi Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

2.0 Kaedah Pelaksanaan

- 2.1 Calon perlu menghadiri temu duga secara bersemuka mengikut jadual sesi dan masa yang telah ditetapkan.
- 2.2 Sesi temu duga akan dijalankan secara bersemuka sahaja.
- 2.3 Calon perlu mematuhi kod pakaian (*dress code*) yang ditetapkan semasa menghadiri temu duga.
- 2.4 **Calon perlu menyediakan kad pengenalan, sijil-sijil akademik dan kecemerlangan yang berkaitan serta transkrip pengesahan pengambilan Ujian Saringan MySCREEN untuk sesi temu duga.**
- 2.5 Ketidakhadiran calon akan menyebabkan permohonan dibatalkan secara automatik. Pertukaran tarikh temu duga akan dipertimbangkan.
- 2.6 Sekiranya diperlukan, pihak penganjur akan menghubungi calon melalui emel atau nombor telefon bimbit yang diberikan. Calon dinasihatkan supaya sentiasa menyemak emel (atau *junk mailbox*) serta telefon bimbit.

3.0 Kod Pakaian

- 3.1 Calon lelaki perlu memakai kemeja berlengan panjang, bertali leher, berseluar panjang, berstokin dan berkasut tutup.
- 3.2 Calon perempuan perlu memakai pakaian kemas dan sopan, serta berkasut tutup.
- 3.3 Calon lelaki perlu berambut pendek dan disikat dengan kemas.
- 3.4 Calon perempuan yang berambut pendek perlu disikat dengan kemas, bagi yang berambut panjang perlu mengikat rambut dengan kemas. Bagi calon yang bertudung, sila sisipkan atau pin tudung anda dengan kemas.

4.0 Soalan Temu Duga (Panduan Sahaja)

4.1 Calon **WAJIB** menjawab semua soalan dalam **Bahagian A, B, C, D dan E** dengan mematuhi arahan yang diberikan.

4.2 Bahagian A – Pengenalan Diri

Calon dikehendaki memperkenalkan diri mengikut senarai yang diberi dengan menggunakan Bahasa Inggeris.

- i. Nama
- ii. No. Kad Pengenalan
- iii. Asal
- iv. Tarikh Lahir
- v. Umur
- vi. Tinggi
- vii. Berat

4.3 Bahagian B – Pengetahuan Am

Calon dikehendaki menjawab soalan pengetahuan am yang diberikan.

- i. Perbezaan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- ii. Pandangan tentang pasaran terbuka bagi graduan program Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- iii. Apakah isu semasa yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia yang anda ketahui, dan apakah peranan masyarakat dalam menanganinya?
- iv. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pendidik yang berkualiti, dan mengapa ciri tersebut penting?

4.4 Bahagian C – Pengetahuan Bidang

Calon dikehendaki menjawab soalan pengetahuan bidang yang diberikan.

- i. Sekiranya anda diberi peluang untuk menambahbaik bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK), apakah yang anda ingin lakukan?
- ii. Sekiranya anda tidak menjadi pendidik atau pengasuh di TASKA / TADIKKA, bagaimana anda mengamalkan pengetahuan dan kemahiran yang diterapkan semasa pengajian program PAKK?
- iii. Bagaimanakah anda menilai keberkesanan sesuatu kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam menyokong perkembangan holistik kanak-kanak (kognitif, sosial, emosi dan fizikal)? Huraikan dengan contoh.
- iv. Pada pandangan anda, apakah cabaran utama yang dihadapi oleh pendidik PAKK pada masa kini, khususnya dalam konteks perubahan teknologi dan kepelbagaian latar belakang kanak-kanak? Cadangkan langkah penyelesaian yang praktikal.

- v. Bagaimanakah anda boleh mengintegrasikan elemen nilai murni dan pembentukan sahsiah dalam aktiviti harian kanak-kanak di TASKA atau TADIKA tanpa mengabaikan aspek pembelajaran akademik?
- vi. Apakah kepentingan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam menyokong perkembangan kanak-kanak di peringkat awal, dan bagaimana ia boleh diperkukuhkan?

4.5 Bahagian D – Lakonan Situasi

- Calon dikehendaki melakonkan tindakan yang akan diambil bagi situasi yang diberikan. Calon boleh memilih salah satu situasi berikut:
 - A. Seorang kanak-kanak berumur 4 tahun enggan menyertai aktiviti berkumpulan dan memilih untuk duduk bersendirian di sudut kelas. Sebagai pendidik, bagaimana anda mendekati dan menggalakkan kanak-kanak tersebut untuk terlibat?
 - B. Semasa waktu makan, seorang kanak-kanak tidak mahu makan dan menolak makanan yang diberikan. Bagaimanakah anda mengendalikan situasi ini tanpa memaksa, tetapi tetap memastikan keperluan pemakanan kanak-kanak dipenuhi?
 - C. Anda mendapati seorang kanak-kanak sering menggunakan bahasa yang kurang sopan yang mungkin dipelajari dari persekitaran luar. Apakah tindakan anda untuk membimbing kanak-kanak tersebut?
 - D. Semasa aktiviti melukis, seorang kanak-kanak menjadi marah kerana hasil lukisannya tidak seperti rakan lain, lalu mengoyakkan kertasnya. Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak ini mengurus emosi dan membina keyakinan diri?
 - E. Seorang ibu bapa datang mengadu bahawa anaknya tidak mahu datang ke TASKA/TADIKA kerana takut. Sebagai pendidik, bagaimana anda berkomunikasi dengan ibu bapa tersebut dan membantu kanak-kanak menyesuaikan diri?
 - F. Semasa aktiviti berkumpulan, seorang kanak-kanak terlalu dominan dan tidak memberi peluang kepada rakan lain untuk mengambil bahagian. Bagaimanakah anda mengendalikan situasi ini?
 - G. Anda mendapati seorang kanak-kanak kelihatan letih, murung dan kurang aktif berbanding kebiasaannya. Apakah tindakan anda sebagai pendidik?
 - H. Ketika waktu bermain di luar, seorang kanak-kanak terjatuh dan mengalami kecederaan ringan lalu menangis. Bagaimanakah anda bertindak dalam situasi ini?
 - I. Dalam kelas anda terdapat kanak-kanak daripada latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza. Bagaimanakah anda memastikan semua kanak-kanak dapat berinteraksi dan belajar bersama dengan harmoni?
 - J. Seorang kanak-kanak enggan berkongsi alat permainan dan sering mengatakan “ini saya punya”. Bagaimanakah anda membimbing kanak-kanak tersebut untuk belajar berkongsi?

4.6 Bahagian E – Penutup

Calon dikehendaki menjawab soalan yang diberikan menggunakan Bahasa Inggeris.

- i. *What do you believe are your strengths and advantages as a student in the Early Childhood Education Program?*

- ii. *How do you plan to apply what you have learned in the Early Childhood Education Program in your future career?*
- iii. *Why did you choose to pursue Early Childhood Education, and what motivates you to continue in this field?*

5.0 Maklumat Tambahan

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

- i. Dr. Hazhari Ismail– Penyelaras Temu duga, Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
E-mel: hazhari@fpm.upsi.edu.my
- ii. Dr. Seah Seok Peh – Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
E-mel: sp_seah@fpm.upsi.edu.my
- iii. *Hotline* Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) UPSI